



SIARAN MEDIA
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

STATUS LAPORAN KAJIAN AKTA IBU KOTA PERSEKUTUAN 1960 [AKTA 190]

1. Pasukan penyelidik dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah dilantik oleh Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) pada 1 Disember 2025. Terma rujukan kajian merangkumi analisis dasar; sejarah perundangan; perundangan berkaitan; dan kajian perbandingan undang-undang luar negara bagi mengenal pasti serta menilai kebolehlaksanaan pindaan Akta Ibu Kota Persekutuan [Akta 190].
2. Sehingga kini, UIAM telah mengemukakan Laporan Insepsi/Awalan yang lengkap pada 16 Disember 2025 dan telah dibentangkan kepada JWP pada 12 Januari 2026. Manakala, Laporan Interim yang lengkap telah dikemukakan pada 27 Januari 2026 dan dibentangkan kepada JWP pada 28 Januari 2026.
3. Terdapat empat (4) laporan yang perlu disediakan oleh pihak UIAM dalam tempoh Disember 2025 hingga Mac 2026 iaitu:
 - (a) Laporan Awalan/Insepsi;
 - (b) Laporan Interim;
 - (c) Draf Laporan Akhir; dan
 - (d) Laporan Akhir.
4. Pihak UIAM sedang dalam peringkat menyediakan draf Laporan Akhir untuk dibentangkan kepada JWP.

Disediakan oleh:
Jabatan Wilayah Persekutuan
12 Februari 2026

